

02/01/2002

Hadi perjelas pemecatan pegawai Tati

KUALA TERENGGANU, Selasa - Kerajaan Pas Terengganu mendakwa, tindakannya menamatkan kontrak serta merta Ketua Pegawai Eksekutif Institut Lanjutan Teknikal Terengganu (Tati), Dr Mohd Zaki Abdul Muin, bukan langkah terburu-buru.

Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, sebaliknya berkata, keputusan itu diambil selepas Dr Mohd Zaki gagal membaiki dan membuat perubahan di institut itu seperti diarahkan.

"Keputusan menamatkan kontrak itu dikeluarkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) berdasarkan laporan daripada pengurusan kakitangan Tati sejak beberapa bulan lalu.

"Kita tidak gopoh membuat keputusan. Kita minta dia tamatkan kontrak," katanya kepada pemberita selepas Majlis Angkat Sumpah Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu, di sini hari ini.

Beliau mengulas pemberhentian 24 jam Dr Mohd Zaki kerana didakwa mengingkari arahan Kerajaan Terengganu, termasuk tidak menyerahkan wang ihsan yang disalurkan Kerajaan Pusat ke institusi itu.

Notis pemecatan bertarikh 27 Disember itu ditandatangani Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Senara Muda Mazlan Hashim. Salinannya dihantar kepada Pengerusi Tati, Harun Taib, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariah negeri dan Setiausaha Sulit Kanan Menteri Besar, Mohd Shalahim Mamat.

Abdul Hadi berkata, tindakan itu bertujuan menyelamatkan Tati daripada pengurusan yang tidak baik.

"Pemberhentian ini akan membaiki imej dan kalau dibiarkan akan turut menyebabkan semangat pensyarah menurun. Langkah ini juga bertujuan menyelamatkan imej Tati. Kita sudah mempunyai calon berpengalaman dari universiti tempatan bagi mengisi kekosongan itu," katanya.

Selain Dr Mohd Zaki, Tati turut memecat Pengurus Besarnya, Ariffin Mohamad, yang dipercayai membongkar penyelewengan di institusi itu, termasuk kes dua mesin berharga lebih RM1 juta.

Mengenai pembongkaran mesin yang digunakan oleh sebuah kilang milik usahawan Cina, Abdul Hadi berkata, kerajaan negeri tidak mempunyai sebarang maklumat dan akan menyiasat dakwaan itu.

Berhubung kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyifatkan tindakan terhadap Dr Mohd Zaki itu sesuatu zalim, Abdul Hadi berkata:

"Kenyataan Perdana Menteri itu mendedahkan tindakan kerajaan Barisan Nasional menekan kerajaan Terengganu dari segi kewangan."

Abdul Hadi, yang mengakui sudah menerima geran tahunan RM100 juta daripada Kerajaan Pusat pada Disember lalu berkata, walaupun ditekan, kerajaan negeri dapat mentadbir dan mengurus kewangan mengikut proses biasa.

Beliau berkata, Kerajaan Pusat sepatutnya menyalurkan wang ihsan terus kepada kerajaan Terengganu, sebelum diagihkan kepada institusi pengajian tinggi milik negeri dan sekolah.

(END)